


# Perkembangan Memberangsangkan Dagangan Malaysia



**J**UMLAH dagangan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Mei 2018 meningkat sebanyak 4.2 peratus bagi tahun ke tahun kepada RM753.46 bilion berbanding dengan yang dicatatkan untuk tempoh sama pada tahun lepas. Menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), eksport meningkat sebanyak 6.9 peratus kepada RM403.99 bilion, manakala import berkembang 1.3 peratus kepada RM349.48 bilion. Lebihan dagangan turut melonjak 64.9 peratus tahun ke tahun kepada RM54.51 bilion.

Pada Mei 2018, perdagangan Malaysia berkembang sebanyak 1.8 peratus kepada RM156.1 bilion berikutan peningkatan dagangan dengan China, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan, Kesatuan Eropah, Jepun dan Arab Saudi. Jumlah eksport pada Mei yang lalu mencecah RM82.11 bilion atau bersamaan peningkatan sebanyak 3.4 peratus bagi tahun ke tahun, manakala import menokok 0.1 peratus kepada RM73.99 bilion.

Pada bulan sama, lebihan dagangan mencecah RM8.12 bilion, iaitu meningkat 47.1 peratus tahun ke tahun, sekali gus menjadikannya bulan ke-247 berturut-turut yang merekodkan lebihan dagangan sejak November 1997. Menurut Matrade, pertumbuhan eksport juga terus mengatasi import untuk lima bulan berturut-turut sejak Januari 2018.

Bagi asas bulan ke bulan, import dan jumlah dagangan berkembang sebanyak 3.9 peratus dan 0.4 peratus, manakala eksport dan lebihan dagangan masing-masing berkurangan sebanyak 2.5 peratus dan 37.7 peratus.

Di samping, prestasi sektor utama sepanjang lima bulan pertama bagi tahun 2018 menyaksikan eksport barangan pembuatan berkembang 8.8 peratus kepada RM335.71 bilion berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2017. Hal ini kebanyakannya didorong oleh peningkatan eksport produk elektrik dan elektronik (E&E), pembuatan logam, produk kimia dan bahan

kimia, peralatan pengangkutan serta peralatan optik dan saintifik," katanya.

Malaysia turut mencatatkan prestasi dagangan lebih kukuh dengan ASEAN bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2018 yang berkembang sebanyak 3.2 peratus kepada RM204.23 bilion berbanding dengan tempoh yang sama pada 2017. Dagangan dengan China turut berkembang sebanyak 5.0 peratus kepada RM122.35 bilion berbanding dengan jangka masa yang sama sebelum ini. Walau bagaimanapun, dagangan dengan Amerika Syarikat susut 9.1 peratus kepada RM62.02 bilion, manakala dagangan dengan Jepun turut berkurangan 3.6 peratus kepada RM55.51 bilion.

Sebelum ini, Malaysia diunjurkan mencatatkan pertumbuhan eksport pada 9.3 peratus pada tahun 2018 dengan mengambil kira petunjuk ekonomi global yang meyakinkan dan pemulihan secara berperingkat harga komoditi. Menurut MIDF Research, pelibatan Malaysia dalam pelbagai perjanjian perdagangan seperti Kerjasama Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) juga akan meningkatkan kerjasama global yang memberikan manfaat kepada negara.

Namun begitu, beberapa faktor luaran, seperti ketegangan geopolitik, kemungkinan memberikan ancaman kepada perdagangan global termasuk Malaysia walaupun menjangkakan aktiviti perdagangan global mengekalkan momentumnya pada suku pertama tahun ini. Agensi itu mengunjurkan prestasi perdagangan luar Malaysia akan terus berkembang pada kadar yang stabil pada tahun ini disokong oleh kenaikan harga komoditi dan ancaman luaran yang semakin berkurangan.

Jumlah dagangan Malaysia bagi Mac 2018 merupakan nilai eksport bulanan tertinggi yang direkodkan, yakni meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun kepada RM84.47 bilion berbanding dengan RM82.62 bilion pada Mac 2017. Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Malaysia mencatatkan dagangan sebanyak RM154.25 bilion pada Mac 2018, penurunan 3.5 peratus tahun ke tahun berbanding dengan RM159.85 bilion pada Mac 2017, manakala nilai import merosot 9.6 peratus kepada RM69.78 bilion daripada RM77.22 bilion berbanding dengan sebelumnya.

Peningkatan tersebut disokong terutama oleh kenaikan eksport ke Hong Kong, Kesatuan Eropah, India, Korea Selatan, Taiwan dan Afrika Selatan. Susulan itu pula, Moody's Investors Service (Moody's) menaikkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun 2018 kepada 5.4 peratus berbanding dengan 5.2 peratus sebelum ini. Agensi tersebut mengulas bahawa pertumbuhan yang lebih positif ini dijangkakan demikian kerana disokong oleh pelbagai perancangan projek infrastruktur yang akan merancakkan pelaburan awam dan pelaburan swasta.

Agensi penarafan itu juga menyifatkan sekatan perdagangan yang berpanjangan atau lebih agresif berbanding dengan seperti yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat dan China baru-baru ini akan memberikan kesan kepada Malaysia secara langsung dan tidak langsung memandangkan kedua-dua buah negara merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia selepas Singapura.

Sementara itu, Malaysia mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 5.4 peratus bagi suku pertama tahun 2018 yang lebih rendah berbanding dengan 5.6 peratus bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Pada awal Mei baru-baru ini, Gabenor Bank Negara Malaysia (kini mantan gabenor), Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, perkembangan ekonomi negara didorong oleh aktiviti sektor swasta yang berterusan, iaitu 5.2 peratus dan pertumbuhan eksport bersih yang kukuh pada 62.4 peratus.

Pertumbuhan dijangkakan terus memberangsangkan pada tahun ini dengan permintaan dalam negeri menjadi pemacu utama pertumbuhan yang berkembang sederhana pada 4.1 peratus, manakala penggunaan swasta mencatat pertumbuhan 6.9 peratus.

Sementara itu, inflasi keseluruhan diunjurkan berada pada purata dua peratus hingga tiga peratus tahun ini disebabkan oleh faktor kos global yang lebih kecil dan kadar pertukaran Ringgit yang kukuh berbanding dengan yang dicatatkan pada tahun 2017. Namun begitu, inflasi menurun pada suku pertama tahun ini kepada

**Inflasi keseluruhan diunjurkan berada pada purata dua peratus hingga tiga peratus tahun ini disebabkan oleh faktor kos global yang lebih kecil.**

1.8 peratus berbanding dengan 3.5 peratus pada suku keempat tahun 2017.

Kadar inflasi yang rendah ini mencerminkan sumbangan harga bahan api domestik yang lebih kecil terhadap inflasi secara keseluruhannya. Meskipun harga minyak dunia lebih tinggi pada suku tersebut, kesannya diimbangi oleh kadar pertukaran Ringgit yang lebih kukuh.

Kedadaan pasaran kewangan domestik pula kekal teratur walaupun ketidaktentuan meningkat ekoran perkembangan di luar negeri. Akutn kewangan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM15.2 bilion disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) secara berterusan.

Berkenaan dengan prestasi Ringgit, mata wang negara terus menambah nilai berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat dan mata wang serantau disebabkan oleh pengukuhan sejak tahun 2017. Walau bagaimanapun, BNM menjangkakan masih terdapat risiko yang akan mengehendkan pergerakan ringgit terutama dengan jangkaan langkah pelarasan Dasar Monetari AS yang lebih cepat, perkembangan geopolitik global yang semakin buruk dan ketegangan perdagangan yang memuncak antara Amerika Syarikat dengan China.

Tindakan perdagangan Amerika Syarikat dan China sekiranya dilaksanakan akan memberikan impak terhadap prospek pertumbuhan Malaysia, tetapi secara keseluruhannya, hal ini bergantung pada beberapa faktor seperti produk yang dikenakan tarif, dedahan Malaysia kepada segmen produk berkenaan dan tempoh pelaksanaan. Walau bagaimanapun, mana-mana negara ekonomi terbuka pasti akan menerima kesan daripada berlakunya perang dagangan antara dua buah negara kuasa besar ekonomi tersebut, tetapi dalam konteks ini, Malaysia amat bernasib baik kerana ekonomi negara adalah pelbagai dan lebih berdaya tahan.

Kerajaan sebelum ini mengunjurkan ekonomi Malaysia akan berkembang antara 5.5 peratus hingga enam peratus memandangkan Malaysia mencatatkan rekod pertumbuhan yang baik pada tahun lalu dengan suku pertama pada 5.6 peratus diikuti suku kedua 5.8 peratus, suku ketiga 6.2 peratus dan suku keempat 5.9 peratus menjadikan KDNK keseluruhan 5.9 peratus.

Pada suku pertama tahun 2018, eksport kasar berkembang 5.8 peratus disokong terutamanya




Foto: accorhotels.com

Kadar inflasi negara dilaporkan menurun pada suku pertama tahun ini kepada 1.8 peratus.

oleh eksport perkilangan yang menyaksikan lebih dagangan meningkat kepada RM33.4 bilion. Import kasar pula menurun 0.8 peratus pada suku berkenaan.

Oleh sebab permintaan dalam negeri masih kekal sebagai pemacu pertumbuhan dan juga disokong oleh aktiviti sektor swasta, pertumbuhan penggunaan swasta dijangkakan kekal mapan disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam guna tenaga dan pendapatan.

Sungguhpun demikian, masih wujud beberapa risiko terhadap prospek ekonomi tahun ini termasuklah ketidakpastian berhubung impak pengembalian dasar monetari pada paras yang wajar secara serentak merentas ekonomi utama, dasar perdagangan pandang ke dalam yang mengancam perdagangan antarabangsa dan risiko geopolitik yang boleh menjejaskan sentimen pasaran kewangan global.

Secara keseluruhan, prospek ekonomi dicirikan oleh beberapa risiko dari aspek positif. Hal ini termasuklah permintaan global yang lebih kukuh daripada jangkaan yang seterusnya untuk mencerahkan prospek bagi industri berorientasikan eksport. Malaysia dikatakan berada dalam kedudukan yang baik untuk mengharungi rintangan ini sekiranya risiko pertumbuhan yang perlahan menjadi kenyataan. \*



Sumber: Laporan Tahunan BNM 2017.

Rajah Prospek Ekonomi Malaysia 2018.